



IKLAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan Akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut:

1. **Jawatan** : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
2. **Gred** : Gred Utama B (VU6)
3. **Tangga Gaji** : RM7,788.05 hingga RM 15,900.42
4. **Taraf Lantikan** : Tukar Sementara
5. **Tempoh Lantikan** : Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
6. **Kelayakan** : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
7. **Kriteria Umum** : Kriteria umum berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:
 - 7.1 **Kecemerlangan Akademik**
Penyandang mestilah mempunyai Kelayakan Ph.D, mendapat *command dan respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
 - 7.2 **Pengiktirafan Antarabangsa**
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

7.3 **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

7.4 **Reputasi**

Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati masyarakat kampus dan luar.

7.5 **Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

7.6 Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi;

7.7 Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan Negara;

7.8 Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah; dan

7.9 Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan.

8. **Kriteria Khusus** : Kriteria khusus bagi jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:

8.1 **Pengalaman membida Projek Penyelidikan dengan jaya;**

Ini merupakan tugas hakiki TNC (P&I). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.

8.2 Mahir mensistesis instrument komitmen penyelidikan (RU Instrument);

KPI TNC (P&I) utama adalah meneraju penyelidikan di IPT masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, *Centre of Excellence (COE)* atau Fakulti.

8.3 Mempunyai jaringan hubungan yang luas;

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan industry di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sector awam dan swasta penyandang juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.

8.4 Berkemampuan dalam menguruskan aktiviti berkaitan harta intelek;

Penyandang mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta ontelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industry yang berkesan akan memberi pulangan kepada universiti melalui perlesenan dan pengkomersialan.

8.5 Cemerlang dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersialan;

Penyandang mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit agar penyandang mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.

Berpengalaman sebagai penyelia yang Berjaya;

8.6

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyandang bertanggungjawab menentukan halatuju penyelidikan universiti dan menerapkan research culture di kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

9. Cara memohon : Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan maklumat seperti berikut:
- a) *Curriculum Vitae'* (CV) yang lengkap (format seperti yang dilampirkan) dan terkini berserta gambar berukuran passport; dan
 - b) Perancangan strategik sekiranya dilantik sebagai TNC (Penyelidikan dan Inovasi).
10. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
11. Sebarang pertanyaan sila hubungi :
- a) En. Luqman Ridha Anwar - 088320000; ext 1142
Ketua Bahagian Sumber Manusia luqman@ums.edu.my
Jabatan Pendaftar
 - b) Pn. Stella @ Nurul Martini Gontol - 088320000; ext 1437
Penolong Pendaftar Kanan stella@ums.edu.my
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
12. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada :
- PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
JALAN UMS 88400
KOTA KINABALU SABAH**
13. **Tarikh tutup permohonan ialah pada 09 Mac 2017 (Khamis).**
14. Proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka di mana pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilih.